

Headline **Masa mengembalikan citra Melayu sebenar**
Date **22. May 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **8**
Section **Nasional** Article Size **806** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Masa mengembalikan citra Melayu sebenar

Oleh Dr Sharifudin Lubis

ULASAN bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam, mengenai pengunduran bersyarat Tun Dr Mahathir Mohamed daripada Umno amat menarik untuk dianalisis. Musa dipetik sebagai berkata, bahawa konsep 'Mahathirisme' sudah berlalu.

Dari sudut ilmu bahasa, 'isme' ialah kata akhiran asing yang dipinjam dan disesuaikan sebagai kata akhiran bahasa Melayu. Kata ini membawa pengertian 'kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan dan juga sikap serta perlakuan' seseorang atau sesebuah kelompok manusia.

Dalam konteks ini Mahathirisme membawa gambaran kewujudan suatu era yang memperlihatkan orang Melayu memang atau terpaksa percaya dengan cara, pemikiran, tindakan, diplomasi dan corak pemerintahan Dr Mahathir selama lebih dua dekad lalu.

Sepanjang tempoh itu, pelbagai kejayaan dicapai negara khususnya dalam bidang ekonomi dan hubungan antarabangsa. Sesiapa pun tidak boleh menafikan bahawa selama 22 tahun memerintah, Dr Mahathir berjaya membangunkan Malaysia dalam pelbagai sektor. Malaysia mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara besar dan maju.

Suara Malaysia kedengaran di mana-mana - dari Jepun hingga ke Amerika, malah

di kalangan negara Islam, Malaysia adalah juara. Dalam tempoh akhir pemerintahannya, suara Malaysia juga turut didengari hingga ke Everest, benua Artik dan Antartika.

Begitulah hebat Dr Mahathir. Kami rakyat Malaysia berasa amat berbangga kerana mendapat seorang negarawan ulung seperti Dr Mahathir.

Walau apapun kehebatan Dr Mahathir menerusi pelbagai pencapaian itu tidak sejajar dengan kebijaksanaan Dr Mahathir berpolitik cara Melayu. Dr Mahathir yang terbabit dengan Umno sejak awal penubuhannya, gagal menyelami jiwa Melayu sedalam-dalamnya. Dr Mahathir seolah-olah tidak mampu menghayati hati budi Melayu serta gagal berfikir seperti orang Melayu tulen. Dr Mahathir diberi kuasa seluas-luasnya dan tidak akan ada Perdana Menteri selepas beliau akan berkuasa begitu lama sepertinya.

Dr Mahathir tidak sedar bahawa orang Melayu secara tradisinya sudah memisahkan kuasa politik dengan kuasa daulat. Bagi orang Melayu, sejak pertelingkahan Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba di Bukit Siguntang, rakyat jelata boleh berpolitik, tetapi Raja-Raja Melayu tetap ditaati atas kuasa daulatnya.

Jangan sekali-kali mencampuradukkan kedua-dua dimensi kuasa itu kerana jika itu dilakukan, bencana akan menimpa orang Melayu. Inilah yang sudah Dr Ma-

hathir lakukan berkali-kali ketika berkuasa dulu. Pada awal lagi, Dr Mahathir dilihat sebagai ultra Melayu yang kelihatan seperti mahu mencabar ciri keramat Melayu sebagai manusia yang sederhana, taat dan patuh kepada Raja.

Kemudian Dr Mahathir mulai membentuk rejim sendiri yang diperkukuhkan melalui pelbagai tindakan, termasuk berkonfrontasi dengan Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, Tengku Razaleigh Hamzah, Tun Musa, Tun Ghafar Baba, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kini dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula. Malah, Dr Mahathir tergamak mencabar kuasa daulat Raja-Raja Melayu sehinggakan orang bukan Melayu pun sudah terikut-ikut berani mencabar Raja-Raja Melayu.

Selama 22 tahun rejim Mahathirisme berkuasa mutlak, sehingga Raja-Raja Melayu pun tidak senang duduk, tetapi tidak mampu bersuara. Selepas lama memendam rasa, Allah menetapkan sudah tiba masanya segala kesilapan Dr Mahathir diperbetulkan.

Pak Lah ditakdirkan menggantikan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri. Zaman kekerasan berlalu dan kini tiba pula zaman kelembutan, tenang dan berhikmah. Segala kemarahan yang disimpan selama 22 tahun, kelihatan reda dengan pertukaran rejim pada Pilihan Raya Umum 2004.

Rakyat amat mengharapkan agar kelem-

butan Pak Lah akan memadamkan api dendam yang membara selama ini. Tetapi Dr Mahathir tidak menyenangi gaya Pak Lah, lalu bangkit mengkritik. Dr Mahathir tidak pun memberi peluang dan ruang yang sesesela kepada Pak Lah untuk memerintah mengikut caranya. Beliau tuduh Pak Lah mengamalkan kronisme dan nepotisme tanpa sedar bahawa istilah itu muncul sejak zaman beliau memerintah lagi.

Kritikan demi kritikan Dr Mahathir lemparkan tidak ubah seperti membuka pekung di dada atau menepuk air di dulang terpercik ke muka sendiri! Seperti kata beberapa pihak, Dr Mahathir berada dalam 'state of insecurity' apabila satu demi satu dasar baru diperkenalkan Pak Lah menggantikan dasar keras Tun selama ini.

Mahathirisme sepatutnya sudah berakhir, tetapi Tun menyemarakkan semula rasa kebencian rakyat yang sudah reda selama empat tahun selepas 2004. Orang Melayu bangun memprotes, tetapi bukan niat ditujukan kepada Pak Lah, akibatnya, pilihan raya umum lalu menyakinkan orang Melayu hampir kehilangan kuasa politik mereka.

Kuasa ekonomi memang sudah lama terlepas daripada tangan orang Melayu khususnya akibat penjajahan demi penjajahan. Kini, kuasa politik yang dahulunya menjadi pengimbang kepada kuasa ekonomi, hampir terlepas daripada genggamannya orang Melayu; sedikit demi sedikit.

Memanglah Umno kelihatan lemah sekarang, tapi apakah faedahnya jika kita terus menimbulkan masalah demi masalah. Mujurlah Pak Lah yang jadi Presiden, jika orang lain, saya tidak boleh bayangkan berantakan yang lebih dahsyat lagi. Rakyat amat percaya, jika 'gajah sama gajah berjuang', yang mati di tengah-tengah ialah pelanduk. Jadi, pemimpin Melayu tidak harus menimbulkan kegusaran di hati rakyat.

Sebelum rakyat bangkit marah, lebih baik kita duduk bermusyawarah dan selesaikan kekusutan dengan cara baik. Amukan kecil sudah dimanifestasikan melalui pilihan raya lalu dan kita sedar dengan amukan sedemikian pun orang Melayu sudah kehilangan maruah dan ketuanannya.

Dr Mahathir hendaklah sedar bahawa era Mahathirisme sudah berlalu. Segala yang berlaku sekarang harus dijadikan ikhtibar kepada seluruh umat Melayu. Jangan menuding jari ke sana dan ke mari menyalahkan orang lain kerana setiap kali satu jari telunjuk kita menunjuk orang lain sebagai bersalah, ada tiga jari yang lain menunjuk ke arah diri kita sendiri.

Pak Lah teruskanlah agenda membangun semula hati budi orang Melayu yang telah lama terkeliru. Belum terlambat untuk melakukan sesuatu dan keluarnya Tun Mahathir dari Umno harus dilihat sebagai titik mula mengembalikan citra Melayu sebenar.